



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN PENGUMPULAN SISA
ORGANIK PASAR AWAM KEPALA BATAS
UNTUK PENGKOMPOSAN

TARIKH / MASA / TEMPAT

21 JUN 2020 (AHAD)
9.30 PAGI

PASAR AWAM KEPALA BATAS

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmud
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Ansaruffin Othman
Pengarah Urusan
Al Ansar Integrated Sdn. Bhd.

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Kakitangan-Kakitangan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Para Pengunjung
Pasar Awam Kepala Batas

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita berkumpul dalam Majlis Pelancaran Pengumpulan Sisa Organik Pasar Awam Kepala Batas Untuk Pengkomposan di Pasar Awam Kepala Batas.

Saya mengalu-alukan kehadiran Yang Berusaha Encik Ansaruddin Othman, Pengarah Urusan Al Ansar Integrated Sdn. Bhd., para penyelidik dan pegawai Universiti Sains Malaysia, para peniaga dan pengunjung Pasar Awam Kepala Batas, tuan-tuan dan puan-puan dalam bersama-sama memeriahkan majlis kita pada pagi yang barakah ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Bandaraya Seberang Perai telah menentukan hala tuju yang jelas iaitu mensasarkan untuk mengurangkan 50% pelepasan karbon menjelang tahun 2022 iaitu pengurangan penghasilan karbon daripada 8.0 tan CO₂e per kapita kepada 4.0 tan CO₂e per kapita. Selain itu, sasaran menjadi

carbon neutral city pada tahun 2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020 dan menjadi *zero carbon city* pada tahun 2050. MBSP komited untuk bersama bandaraya-bandaraya lain di dunia untuk menangani perubahan cuaca supaya dapat menghadkan pemanasan global ke 1.5⁰ Celcius. Selain itu, MBSP juga komited untuk menjadi Bandar Raya Pintar pada tahun 2030 sesuai dengan wawasan Penang2030.

Saya ingin memaklumkan Seberang Perai telah berjaya mengurangkan penghasilan karbon per kapita sebanyak 16.5% pada tahun 2019 iaitu dengan bacaan sebanyak 6.88 tan CO₂eq seorang berbanding tahun 2015 sebanyak 8.24 tan CO₂eq seorang. Seberang Perai juga telah berjaya mengekang peningkatan pelepasan karbon sebanyak 10,436,480 CO₂eq jika dibandingkan dengan *business as usual* atau jika tiada usaha pengekangan dibuat oleh MBSP. Pencapaian ini telah membolehkan MBSP tersenarai dalam sepuluh bandaraya terbaik di rantau Asia dan antara 100 bandaraya terbaik di dunia oleh *Carbon Disclosure Project (CDP)*.

MBSP telah mewujudkan Pelan Tindakan Bandar Raya Rendah Karbon yang telah menggariskan lima (5) strategi, iaitu:-

- i. Pengangkutan Hijau,
- ii. Bangunan Hijau,

- iii. Infrastruktur Hijau,
- iv. Penghasilan dan Penggunaan Mampan, dan
- v. Kehijauan dan Penyerapan.

Selain itu, MBSP melalui *Seberang Perai Climate Action Strategy* telah menggariskan sebanyak enam (6) sektor tumpuan untuk diberi penekanan bagi menangani krisis perubahan iklim global iaitu:-

- i. Sektor Sisa dan Ekonomi Sekular untuk mencapai Bandar Sisa Sifar menjelang tahun 2030;
- ii. Sektor Elektrik untuk mencapai 50% penggunaan tenaga boleh diperbaharui menjelang tahun 2030;
- iii. Sektor Bangunan dan Alam Bina untuk mencapai pembangunan yang dibina berasaskan elemen akreditasi bangunan hijau;
- iv. Sektor Pengangkutan bagi peningkatan sebanyak 25% penggunaan pengangkutan awam dan basikal;
- v. Sektor Pertanian dan Perhutanan untuk memaksimumkan zon pertanian dan perhutanan di Seberang Perai sebagai agen penyerapan karbon; dan
- vi. Sektor Industri dan Perniagaan bagi menjalankan perniagaan berpaksikan elemen hijau yang mengurangkan penghasilan karbon.

Program hari ini adalah merupakan salah satu projek di bawah Strategi 4 iaitu Penghasilan dan Penggunaan Mampan dengan meningkatkan kitar semula kepada 70% dan kurangkan berat sampah sebanyak 50% per kapita pada tahun 2022; di samping melaksanakan program *Waste To Protein*, *Waste To Compost* dan *Waste To Energy*; dan juga di bawah Sektor Sisa dan Ekonomi Sekular untuk mencapai Bandar Sisa Sifar menjelang tahun 2030.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Menurut kajian yang dijalankan oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) pada tahun 2012, sisa organik merupakan sisa yang paling banyak dijana di Malaysia, iaitu sebanyak 31% hingga 45% daripada jumlah keseluruhan sisa yang dijanakan setiap hari. Di samping itu, pereputan sisa organik yang dilupuskan di tapak pelupusan sisa adalah merupakan punca utama penghasilan *Greenhouse Gas* (GHG) dari sektor pengurusan sisa di Malaysia. Menurut laporan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) bersama dengan United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC), tapak pelupusan sisa merupakan punca terbesar pelepasan gas metana (47%) yang merupakan

gas perosak lapisan ozon yang utama, iaitu 21 kali ganda lebih daripada kerosakan yang diakibatkan oleh gas karbon dioksida.

Pengurangan sisa organik di punca merupakan salah satu pendekatan penting hierarki pengurangan sisa. Pengurusan sampah dan pembersihan awam menelan belanja yang tinggi yang harus dipikul oleh MBSP. Dengan pengurangan sisa organik di punca akan mengurangkan kos pengendalian sisa makanan oleh penjana sisa dan mengurangkan jumlah sisa yang dihantar ke tapak pelupusan.

MBSP bersama-sama Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memulakan langkah-langkah awal untuk mengawal dan mengurangkan sisa-sisa organik ke tapak pelupusan sampah melalui pelbagai program *Waste To Protein*, *Waste To Compost* dan *Waste To Energy*. Antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan ialah Dasar Pengasingan Sisa Di Punca, Kempen Makan Sampai Habis, Program Kitar Semula dan *Upcycle*, *Smart Consumption Model 8R*, Program LA21, penggunaan mesin kompos *Economical Food Waste Composter* atau EFWC dan pelbagai program-program agar dapat mewujudkan persekitaran yang bersih dan hijau. Saya harus memberi pengiktirafan ini kepada anda semua dan semua komuniti Seberang Perai kerana kita berada dilandasan yang betul.

Pengurusan sampah yang baik terutamanya sisa organik atau sisa makanan akan mengurangkan bau busuk, mencegah pembiakan makhluk perosak dan sekaligus memastikan alam sekitar lebih selesa dan sihat untuk didiami.

MBSP juga telah mengambil inisiatif mewujudkan pusat-pusat kitar semula atau pusat sumber alam sekitar. Buat masa ini, terdapat enam (6) Pusat Sumber Alam Sekitar atau Pusat Kejiranan yang telah ditubuhkan di seluruh Seberang Perai iaitu di Taman Pandan dan Taman Bagan Lalang, Seberang Perai Utara; Permatang Nibong dan Taman Keenways di Seberang Perai Tengah; dan Puteri Gunung dan Taman Tambun Indah di Seberang Perai Selatan. Kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan di Pusat-Pusat Sumber Alam Sekitar ini adalah aktiviti kitar semula, pendidikan alam sekitar, pengkomposan dan kebun kejiranan.

Selain itu, Majlis Bandaraya Seberang Perai juga membantu dalam usaha-usaha pihak swasta dan kawasan perumahan untuk mewujudkan pusat-pusat pengkomposan. Tiga pusat pengkomposan yang telah berjaya diwujudkan untuk memproses sisa organik adalah:-

- i. Pusat Kompos Bagan Ayam di Pasar Awam Bagan Ayam yang diuruskan oleh Shence International yang melaksanakan kutipan

sisanya organik daripada beberapa buah pasar di Seberang Perai iaitu; Pasar Awam Sri Rambai, Pasar Awam Taman Selamat, Pasar Awam Kampung Baru, Pasar Awam Bukit Mertajam, dan Pasar Awam Jeti Lama. Kesemua sisa organik yang dikumpul dihantar akan diproses menjadi kompos. Beratannya organik yang dikutip untuk dijadikan kompos bagi tempoh tiga tahun adalah 766,905 kg pada tahun 2017, 1,347,436 kg pada tahun 2018 dan 474,689 kg pada tahun 2019.

- ii. Autocity Juru yang diuruskan oleh Pihak Pengurusan Autocity bagi tujuan menjalankan aktiviti pengkomposan bagi premis-premis di kawasan Auticity Juru; dan
- iii. Taman Pandan yang diuruskan oleh Pihak Pengurusan Taman Pandan untuk menjalankan aktiviti pengkomposan bagi kawasan perumahan Taman Pandan.

Selain pengasingan sisa organik di pasar, kawasan perniagaan dan kawasan perumahan, terdapat juga aktiviti pengasingan sisa organik yang dijalankan di premis-premis seperti perumahan berstrata, perindustrian dan hotel. Pengasingan sisa organik di premis-premis komersial diuruskan sendiri oleh pihak pengurusan dari segi pengumpulan dan kutipan yang dibuat oleh Syarikat yang dilantik oleh premis-premis tersebut.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Pengumpulan sisa organik di Pasar Awam Kepala Batas adalah bertujuan untuk dijadikan kompos tetapi tidak menggunakan mesin tetapi menggunakan kaedah yang berlainan. Projek ini merupakan usahasama Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dengan Syarikat Al-Ansar Integrated Sdn. Bhd. dan Universiti Sains Malaysia (USM). Sisa organik Pasar Awam Kepala Batas akan dikumpul di dalam tong yang disediakan dan akan dikutip dan dihantar ke Tasik Gelugor (tempat operasi Syarikat Al-Ansar Integrated Sdn. Bhd.) untuk dijadikan kompos.

Kaedah baru yang menarik ini adalah menggunakan sejenis lalat yang dikenali dengan nama *Black Soldier Fly* yang berkemampuan untuk memproses sisa-sisa organik dan mengubahnya menjadi protin berkualiti tinggi yang digemari haiwan ternakan seperti ayam, ikan dan sebagainya. Larva *Black Soldier Fly* ini mempunyai kandungan nutrisi yang tinggi sehingga 42% protein dan 32% lemak yang amat sesuai dijadikan makanan alternatif kepada haiwan ternakan khususnya ayam manakala sisa yang dihasilkan dapat digunakan sebagai baja organik untuk tanaman.

Teknologi penggunaan serangga untuk menghasilkan makanan haiwan ternakan telah mendapat perhatian ramai di dalam dan luar negara terutama bagi mengurangkan kos tenaga dan penggunaan bahan kimia dalam proses pengurusan sisa organik serta mengurangkan import bahan mentah makanan haiwan ternakan secara global.

Ini merupakan "*Transforming Waste to Protein*" dalam usaha mengitar semula sisa organik kembali ke alam sekitar dan secara langsungnya, mengurangkan kesan pencemaran di persekitaran kita. Serangga merupakan teknologi semulajadi yang hebat seterusnya dapat digunakan untuk proses kitar semula yang bebas daripada penggunaan bahan kimia berbahaya serta mengurangkan kos, tenaga dan pencemaran alam sekitar.

Saya amat mengharapkan agar peniaga-peniaga di Pasar Awam Kepala Batas mengasingkan sisa organik ke dalam tong khas yang disediakan. Jangan sama sekali mencampurkan sisa organik ini dengan bahan-bahan plastic dan sup.

Melalui program pengasingan sisa organik ini, ia dapat menghasilkan kompos dari sisa (*waste to compost*) dan juga dapat menghasilkan sumber protein sebagai makanan haiwan (*waste to protein*). Ini akan mewujudkan

satu kitaran ekonomi yang lebih stabil kepada para petani dan juga menghasilkan makanan yang lebih selamat dari terdedah kepada penggunaan racun serangga atau racun lain terhadap sumber makanan. Secara tidak langsung ia juga dapat membantu mengurangkan sisa ke tapak pelupusan sampah.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Saya bagi pihak MBSP mengucapkan ribuan terima kasih kepada penduduk Seberang Perai yang menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MBSP selama ini dan berharap agar terus menyokong inisiatif-inisiatif yang direncanakan oleh MBSP ke arah pembentukan Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022.

Sebagai mengakhiri kata-kata, dengan lafaz **BISMILLAH** saya dengan ini merasmikan Majlis Pelancaran Pengumpulan Sisa Organik Pasar Awam Kepala Batas Untuk Pengkomposan.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.